# ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
# BIL. 5/1977

## KADAR HARGA TANAH TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DI UBAH JENIS KEGUNAAN KEPADA BANGUNAN

M.M.K. yang bersidang pada 28.4.1977 telah menimbang Kertas M.M.K. Bil. 8/401/77/(II) hingga Kertas Bil. 8/410/77/(20) dan telah melulus 10 permohonan untuk mendapat kebenaran dibawah sek. 124 K.T.N. bagi menukar jenis kegunaan tanah kepada jenis Bangunan (Category : Building) dengan mengenakan harga tanah tambahan (further premium) di atas kadar hanya sebanyak 1% sahaja daripada perbezaan harga tanah yang berkenaan.

2. Sebagai tambahan kepada keputusan di perenggan I diatas, M.M.K. dalam sidang yang sama telah membuat ketetapan bahawa bagi semua permohonan-permohonan berkaitan dengan menukar jenis kegunaan tanah kepada bangunan hendaklah dikenakan harga tanah tambahan ‘tetap’ diatas kadar sebanyak satu peratus (1%) sahaja daripada harga perbezaan.

3. Oleh itu mulai dari tarikh keluar Arahan ini semua PHT adalah dinasihatkan supaya membuat pengesyuran menurut ketetapan M.M.K. bagaimana dalam perenggan 2 diatas apakala menyediakan Rang Kettas M.M.K. untuk mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dibawah Sek. 124 (I) (a) iaitu permohoan untuk menukar atau memasukkan jenis kegunaan tanah yang baharu sebagai tanah ‘bangunan’.

4. Tetapi walaubagaimanapun bagi tanah-tanah yang telah melanggar syarat, harga tanah tambahan sebagai denda hendaklah dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan dalam perenggan 2 daripada Pekeliling PTG. Bil. 7/1976.

(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan.

Kepada:

Semua Ketua-Ketua Jajahan dan Penolong
Ketua Jajahan 1, Kelantan.

s.k

YB. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan..

YB. Dato Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

YB. Tuan Penasihat Undang2 Negeri

Juru Odit Negeri

Pengarah Ukur Kelantan.

Pengarah L.K.T.N. Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.

Setiausaha kepada Menteri Besar.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,**
**KELANTAN, KOTA BHARU.**

**PTG.Kn. 176/42**
**KES/UK 124/14**
**KES/KB 14977**
**KES/KB 16577**
**KES/KB 16277**
**KES/KB 67476**
**KES/KB 17277**
**KES/KB 13277**
**KES/KB 5877**
**KES/KB 6977**
**KES/KB 17477**
**KES/KB 14877**

**15hb.Mei,1977.**